

Terma dan Syarat Akaun Alliance Xchange

1. Am

1.1 Pelanggan bersetuju bahawa sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini, jika terpakai, Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah ditadbir oleh dan tertakluk pada mana-mana kaedah, peraturan, dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, dan mana-mana badan kawal selia lain yang berkaitan. Akaun Alliance Xchange ialah akaun semasa mata wang asing dalam talian dan deposit tetap mata wang asing serta merupakan Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (FCA) bagi individu sahaja.

1.2 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan tertakluk pada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

2. Pembukaan Akaun

2.1 Akaun Alliance XChange dan Deposit Tetap Alliance XChange ("Akaun") tersedia untuk individu SAHAJA (tidak termasuk pemilik tunggal dan perkongsian am). Individu yang telah mencecah usia lapan belas (18) tahun dan kompeten dari segi undang-undang layak untuk membuka akaun atas nama peribadi.

2.2 Akaun tersebut HANYA boleh dibuka melalui allianceonline oleh pelanggan yang telah memiliki Akaun Semasa/ Akaun Simpanan Ringgit Malaysia yang aktif (MYR CASA) dengan Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank"), yang akan digunakan untuk memudahkan cara debit/ kredit transaksi mata wang asing serta yuran dan caj lain-lain.

2.3 Akaun tersebut ialah akaun konvensional dan pelanggan hanya boleh menukar dana daripada MYR CASA konvensional kepada Alliance XChange dan sebaliknya.

2.4 Pelanggan dinasihatkan untuk menyimpan rapi semua dokumentasi/ maklumat berhubung dengan aktiviti Akaun (termasuk tujuan pembukaan akaun, contohnya, Surat tawaran kerja, surat penerimaan universiti luar negara). Bank berhak meminta dokumen sedemikian dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan pelaporan kawal selia atau tujuan sah yang lain.

3. Mod Pengendalian:

3.1 Tiada buku cek akan dikeluarkan bagi Akaun ini.

3.2 Tiada mata wang kertas dan syiling yang diurusniagakan atau diuruskan berhubung dengan Akaun ini.

3.3 Akaun menggunakan kadar pertukaran asing khas yang dirujuk sebagai e-Kadar yang diterbitkan di allianceonline. Kadar e-Kadar mungkin atau mungkin tidak berbeza daripada kadar yang terdapat di cawangan Bank. e-Kadar yang dipaparkan bergantung pada hari tersebut dan tertakluk pada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.

3.4 Bank berhak untuk menambah, menukar, menggantung, mengubah dan/ atau menarik balik mana-mana mata wang/ e-Kadar yang diterbitkan dari semasa ke semasa dengan notis dan pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penambahan, perubahan, penggantungan, dan/ atau pengeluaran sedemikian tidak akan melayakkan pelanggan atau mana-mana pihak ketiga lain untuk mengenakan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung yang dialami oleh pelanggan atau mana-mana pihak ketiga lain yang timbul daripadanya.

3.5 Urus niaga Akaun hanya boleh dilakukan sewaktu hari bekerja di Kuala Lumpur dari Isnin hingga Jumaat antara jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang. Walau bagaimanapun, arahan tetap yang ditetapkan terlebih dahulu dan penarikan balik Deposit Tetap boleh diurusniagakan pada bukan hari bekerja.

- 3.6 Pelanggan mengakui bahawa operasi Akaun adalah tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan mana-mana undang-undang, garis panduan, atau dasar lain berkenaan yang sedang berkuat kuasa.

4. Bagi Akaun Alliance XChange

- 4.1 HANYA sembilan (9) jenis mata wang yang boleh didapati:

- a) Dolar Australia (AUD)
- b) Dolar Kanada (CAD)
- c) EURO (EUR)
- d) Pound Sterling (GBP)
- e) Dolar Hong Kong (HKD)
- f) Yen Jepun (JPY)
- g) Dolar New Zealand (NZD)
- h) Dolar Singapura (SGD)
- i) Dolar Amerika Syarikat (USD)

- 4.2 Pelanggan boleh membuka sehingga lima (5) Akaun Alliance XChange daripada jenis mata wang yang sama.

5. Bagi Deposit Tetap Alliance XChange

- 5.1 HANYA tujuh (7) jenis mata wang yang boleh didapati: AUD, CAD, EUR, GBP, NZD, SGD, dan USD.

- 5.2 Pelanggan tidak boleh membuka lebih daripada satu (1) Deposit Tetap Alliance XChange daripada jenis mata wang yang sama. Walau bagaimanapun, pelanggan boleh meletakkan deposit tetap sebanyak yang diinginkan.

6. Deposit dan Pengeluaran (Terpakai untuk Akaun Alliance XChange sahaja)

- 6.1 Deposit dalam Akaun Alliance XChange adalah bagi tempoh dan kadar seperti yang dipersetujui dengan Bank termasuk namun tidak terhad kepada hal berikut:-

- a) Deposit permulaan minimum – sebanyak 500 dalam denominasi mata wang asing, misalnya USD 500, kecuali JPY iaitu sebanyak JPY 20,000.
- b) Baki minimum untuk dikekalkan dalam akaun – sebanyak 30 dalam denominasi mata wang asing, misalnya USD30, kecuali JPY iaitu sebanyak JPY3,000.
- c) Jumlah deposit minimum – bersamaan dengan MYR100 bagi setiap transaksi, daripada penukaran MYR kepada Mata Wang Asing (selepas pembukaan akaun).

- 6.2 Seseorang individu pemastautin dibenarkan membuat pemindahan dalam mata wang asing kepada individu pemastautin lain, bagi sebarang tujuan kepada atau daripada ahli keluarga terdekat SAHAJA. Ahli keluarga terdekat merujuk pada pasangan, ibu bapa, anak-anak, dan adik-beradik SAHAJA.

- 6.3 Pemindahan pihak ketiga antara pemastautin dan bukan pemastautin dibenarkan. Pelanggan perlulah memastikan bahawa segala pembayaran, dan pemindahan daripada atau kepada akaun mata wang asing lain dalam Bank atau bank-bank lain mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan mana-mana undang-undang, garis panduan atau dasar lain berkenaan yang sedang berkuat kuasa.

- 6.4 Pelanggan dibenarkan membuat suatu pemindahan pihak ketiga sehingga RM10,000 sehari. Bagi sebarang transaksi melebihi had pemindahan harian, pelanggan dinasihatkan mengunjungi cawangan untuk menyelesaikan urusan tersebut.

- 6.5 Akaun ini merupakan produk e-Perbankan; deposit dan pengeluaran hendaklah diurusniagakan melalui allianceonline.

- 6.6 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, pilihan di kaunter (over-the-counter, OTC) adalah tersedia dan yuran OTC biasa akan diguna pakai. Di samping itu, pelanggan tidak akan dapat menikmati e-Kadar istimewa sekiranya pelanggan memilih untuk mengurus niaga OTC.

7. Letakan dan Penarikan Balik (Terpakai untuk Deposit Tetap Alliance XChange Sahaja)

- 7.1 Letakan dalam Deposit Tetap Alliance XChange adalah bagi tempoh dan kadar seperti yang dipersetujui dengan Bank termasuk namun tidak terhad kepada amaun letakan minimum sebanyak 2,500 dalam denominasi mata wang asing.

- 7.2 Tempoh yang tersedia bagi Deposit Tetap Alliance XChange ialah 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan, dan 12 bulan.

- 7.3 Pengeluaran separa tidak dibenarkan.

- 7.4 Penarikan balik pramatang dibenarkan. Walau bagaimanapun, faedah belum bayar, sekiranya ada, akan tertakluk kepada dasar bank.

- 7.5 Akaun ini merupakan produk e-Perbankan; letakan dan penarikan balik akan diurusniagakan melalui allianceonline sahaja.

- 7.6 Tiada sijil fizikal akan dikeluarkan. Walau bagaimanapun, semua urusan niaga terperinci boleh dilihat di allianceonline.

8. Arahan Tetap

- 8.1 Pelanggan boleh mengeluarkan arahan tetap dalam talian untuk memindahkan dana daripada MYR CASA peribadi ke dalam Akaun Alliance XChange peribadi melalui allianceonline.

- 8.2 Pelanggan juga boleh mengeluarkan arahan tetap untuk memindahkan dana daripada Akaun Alliance XChange kepada suatu Akaun Alliance XChange pihak ketiga.

- 8.3 Pelanggan mengakui bahawa deposit mata wang asing hanya akan menerima nilai pada hari urusan niaga dan bukan sewaktu arahan tetap dikeluarkan.

9. Caj Perbankan

- 9.1 Tiada yuran dikenakan bagi Pemindahan Telegraf Asing (FTT). Semua yuran dan caj kabel sedia ada yang berkaitan dengan pemindahan telegraf masih terpakai.

- 9.2 Pelanggan hendaklah memastikan aktiviti transaksi dalam akaun masing-masing munasabah. Bank berhak untuk mengenakan caj sebanyak USD5 atau yang setara setiap setengah tahun bagi akaun tidak aktif yang memenuhi KEDUA-DUA kriteria di bawah:

- a) Tiada aktiviti dalam Akaun Alliance XChange bagi tempoh enam (6) bulan lepas; dan
- b) Baki akaun bersamaan dengan kurang daripada RM 3,000.

- 9.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah berhak untuk mengenakan caj bagi mana-mana perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan pada kadar seperti yang dimaklumkan oleh Bank dengan pemberitahuan awal kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.

10. Penyata Akaun

- 10.1 Penyata Akaun yang menetapkan semua transaksi dalam akaun boleh didapati secara elektronik sekali sebulan melalui allianceonline bagi pengguna allianceonline, melainkan kami menerima suatu arahan sebaliknya daripada anda tanpa sebarang caj. Anda dinasihatkan untuk memeriksa catatan dalam Penyata Akaun dan mesti melaporkan segera kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang percanggahan di dalamnya. Sekiranya tiada sebarang bantahan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Akaun, semua catatan di dalamnya adalah betul. Bank berhak untuk membuat pembetulan apabila dan jika

perlu sekiranya Bank menemukan kesilapan.

- 10.2 *Sejarah transaksi akaun dalam tempoh sehingga 180 hari boleh dilihat dan dimuat turun dalam bentuk suatu penyata melalui allianceonline.*
- 10.3 *Penyata bercetak boleh diperoleh dari cawangan dengan dikenakan fi tertentu (terdapat pelepasan tertakluk pada dasar Bank). Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan fi dan caj, sila rujuk <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges>.*

11. Batasan Liabiliti

- 11.1 *Pelanggan bersetuju untuk sentiasa memberi ganti rugi kepada Bank dan memastikan Bank dilindungi sepenuhnya daripada sebarang liabiliti, kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, permintaan, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kos guaman berdasarkan asas 'pelanggan dan peguam') yang mungkin ditanggung oleh pelanggan atau oleh Bank berhubung dengan mana-mana atau semua akaun, atau pelaksanaan arahan oleh Bank (walaupun arahan tersebut mungkin palsu atau tidak sah), atau sekiranya mana-mana akaun pelanggan atau sebahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau rasmi, kecuali jika kerugian, kos atau kerosakan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaiian melampau, kelalaian atau salah laku sengaja oleh pihak Bank.*
- 11.2 *Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa apabila Bank menanggung liabiliti bagi atau atas permintaan Pelanggan atau bagi pihak Pelanggan, sebarang dana atau sekuriti atau barangan bernilai lain yang didepositkan dengan Bank (sama ada didepositkan melalui sekuriti, jagaan selamat, atau bagi tujuan khusus lain) milik Pelanggan dan di tangan Bank akan secara automatik menjadi sekuriti kepada Bank dan Bank adalah berhak untuk mengekalkan dana atau sekuriti tersebut atau barangan bernilai lain atau mana-mana bahagiannya ataupun menolak dan menyisihkan permintaan Pelanggan atau perintah bertulis untuk mengeluarkan apa-apa wang daripada akaun sehingga liabiliti tersebut diselesaikan.*
- 11.3 *Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk atau bertanggung kepada Pelanggan sama ada bagi sebarang penurunan nilai dalam mata wang deposit disebabkan oleh cukai, impos, atau penyusutan atau bagi ketiadaan mana-mana mata wang disebabkan oleh sekatan atau kebolehtukaran, permintaan, pemindahan tanpa kerelaan, penguatkuasaan kuasa tentera atau rampasan kuasa atau apa-apa punca lain yang di luar kawalan Bank.*
- 11.4 *Pelanggan menerima risiko tindakan negara asing berhubung dengan ketiadaan pembayaran balik deposit sekiranya pembayaran balik tersebut dianggap menyalahi undang-undang atau ditangguhkan melalui apa-apa tindakan atau perintah Kerajaan mata wang yang terlibat atau negara tempat deposit tersebut diletakkan sebagai alternatif dan Bank tidak akan menanggung liabiliti oleh sebab apa-apa perubahan dalam undang-undang, peraturan atau perintah kerajaan berkenaan, negara mata wang atau di negara tempat deposit diletakkan.*

12. Penutupan Akaun

- 12.1 *Bank berhak untuk menutup akaun pelanggan dengan memberi notis melalui mel biasa yang dialamatkan kepada alamat terakhir Pelanggan yang diketahui berdaftar dengan Bank atau dalam bentuk dan cara seperti yang ditentukan oleh Bank dan tidak akan terikat untuk mendedahkan sebarang sebabnya.*

13. Perubahan Alamat, Tandatangan, atau Butiran

- 13.1 *Sebarang perubahan alamat atau tandatangan (tandatangan-tandatangan) atau butiran lain yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan kepada Bank secara bertulis serta-merta. Semua komunikasi termasuk perkhidmatan mana-mana dokumen undang-undang yang dihantar melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan yang diketahui berdaftar dengan Bank adalah disifatkan sepertimana yang ditetapkan pada notis dan/ atau*

tarikh pengeposan kepada dan diterima oleh Pelanggan.

14. Akta Wang Tak Dituntut 1965

- 14.1 *Anda dinasihatkan untuk memastikan akaun anda kekal aktif kerana seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, sebarang baki kredit dalam suatu akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun mesti diwartakan sebagai "Wang Tak Dituntut", dan dua belas (12) bulan kemudiannya wang tersebut akan diremitkan ke Akaun Amanah Disatukan yang diselenggara oleh Kerajaan.*

15. Hak untuk menolak selesai

- 15.1 *Bank, sebagai tambahan kepada mana-mana lien umum atau hak serupa lain yang Bank berhak mengikut undang-undang, boleh pada bila-bila masa dengan notis yang diberikan kepada pelanggan, menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan dengan Bank apa-apa perincian dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang lain atau menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah yang belum dijelaskan kepada kredit akaun tersebut untuk menyelesaikan mana-mana jumlah yang terhutang kepada Bank oleh Pelanggan. Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan apa-apa gabungan, penyatuan, tolak selesai, atau pemindahan dengan pertukaran yang diperlukan pada kadar pertukaran semasa Bank yang akan ditentukan mengikut budi bicara Bank.*

16. Pendedahan Maklumat

- 16.1 *Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank serta pegawai dan kakitangannya mendedahkan dan memberikan segala maklumat berkenaan butiran dan hal ehwal pelanggan (kewangan atau sebaliknya), perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada individu dalam kategori berikut menurut cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank:*
- a) *Syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank serta syarikat-syarikat yang Muka Surat 10 Terma dan Syarat Deposit Perniagaan Konvensional (Jun 2023) berkaitan/sekutu tersebut secara kolektifnya dirujuk sebagai "Kumpulan Alliance Bank") serta pemegang serah hak dan pengganti hak milik syarikat tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan perniagaan dan operasi Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank.*
 - b) *Mana-mana individu untuk atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang yang dilaksanakan untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank;*
 - c) *Badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) Amerika Syarikat dan Standard Pelaporan Bersama (CRS);*
 - d) *Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia;*
 - e) *Central Credit Reference Information System (CCRIS), biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit yang diberi kuasa atau berlesen di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;*
 - f) *Juruakaun, juruaudit, peguam, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank*
 - g) *Penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk*

melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank

- h) Pihak luar sebagaimana yang diperlukan untuk sebarang kegiatan pelaksanaan korporat/usaha wajar yang dibuat oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;*
- i) Mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan keinginan untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank/menurut sebarang cadangan pengaturan, penggabungan, penggabungan, pengambilalihan /penstrukturan semula di antara Bank dan pihak tersebut; dan*
- j) Mana-mana individu atau entiti yang telah mendapat persetujuan pelanggan terlebih dahulu. Pelanggan dengan ini memberi persetujuan bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan Alliance Bank, pegawai dan kakitangannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas pemberian maklumat tersebut atau atas sebarang akibat yang timbul daripada pergantungan terhadap maklumat yang diberikan tersebut menurut terma yang terkandung di sini.*

17. Antisogokan dan Rasuah

17.1 Bank telah memperkenalkan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirancang untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan antisogokan atau antirasuah yang terpakai kepada Bank. Bank tidak, dan waad bahawa Bank tidak akan, berhubung dengan perjalanan aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan, atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk melanjutkan apa-apa pembayaran, sumbangan, hadiah, bayaran balik, atau pemindahan lain apa-apa nilai, atau apa-apa pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.

17.2 Menurut kuasa permohonan bagi produk ini, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan telah dimaklumkan tentang ringkasan dasar antisogokan dan rasuah Bank yang tersedia di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy> dan waad/ aku janji selanjutnya bahawa Pelanggan tidak akan terlibat dalam amalan rasuah sedemikian dengan cara apa pun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai, atau pekerja Bank.

18. Perbadanan Insuran Deposit Malaysia (PIDM)

18.1 Semua deposit Konvensional dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

18.2 Akaun bersama yang dipegang oleh pemilik yang berbeza akan menikmati had perlindungan berasingan. Walau bagaimanapun, sekiranya pendeposit memiliki beberapa akaun bersama dengan pemilik lain yang serupa, deposit tersebut akan dikumpulkan dan diinsuranskan sehingga RM250,000.

19. Perubahan Terma dan Syarat

19.1 Bank adalah berhak untuk menambah, mengubah atau memadam mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dan dengan memberikan notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari sebelum melaksanakan perubahan tersebut. Perubahan akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut. Dalam situasi di mana perubahan dibuat selaras dengan undang-undang atau peraturan, bersifat pentadbiran atau bagi tujuan penjelasan, notis dalam tempoh yang lebih singkat atau serta-merta akan diberikan..

19.2 Pelanggan dianggap telah memahami dan menerima perubahan atau penambahan kepada Terma dan Syarat melainkan pelanggan membantah atau mengambil tindakan positif untuk menutup akaun atau menamatkan perkhidmatan sebelum perubahan tersebut berkuat kuasa. Pelanggan tetap bertanggungjawab atas semua transaksi sebelum penutupan atau penamatan.

20. Penggantungan/ Pembekuan Akaun

20.1 Bank berhak pada bila-bila masa untuk menggantung dan/ atau membekukan operasi dan/ atau menamatkan satu atau lebih akaun, kemudahan, dan/ atau perkhidmatan anda yang diselenggarakan dengan dan/ atau dipohon oleh Bank mengikut dasar-dasarnya.

21. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

21.1 Keperluan di bawah Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat yang menentukan hubungan anda dengan Bank dan akan mengikat anda sepenuhnya.

Takrifan

Istilah orang A.S. atau orang Amerika Syarikat bererti orang yang diterangkan dalam seksyen 7701(a)(30) Kod Hasil Dalam Negeri:

- a) seorang warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat,
- b) suatu perkongsian Amerika Syarikat,
- c) sebuah syarikat Amerika Syarikat,
- d) mana-mana harta (selain daripada harta yang pendapatannya, daripada sumber selain dari Amerika Syarikat yang pada hakikatnya tidak berkaitan dengan pelaksanaan suatu perdagangan atau perniagaan di Amerika Syarikat, tidak termasuk dalam pendapatan kasar di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri), dan
- e) Sebarang amanah jika
 - i) Suatu mahkamah di Amerika Syarikat dapat menguatkuasakan pengawasan utama terhadap pentadbiran amanah tersebut.
 - ii) Satu atau lebih rakyat Amerika Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan besar amanah

22. Standard Pelaporan Umum (CRS)

22.1 Syarat-syarat di bawah Standard Pelaporan Umum (CRS) membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat yang mengawal hubungan anda dengan Bank dan akan mengikat anda sepenuhnya.

Takrifan

Takrifan di bawah dipetik daripada Seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Seseorang individu yang berada di Malaysia pada tahun tersebut bagi suatu tempoh atau tempoh secara keseluruhan selama seratus lapan puluh dua (182) hari atau lebih.

- a) Seseorang individu berada di Malaysia pada tahun asas tersebut bagi tempoh kurang dari seratus lapan puluh dua (182) hari dan tempoh itu dikaitkan terutamanya dengan tempoh lain satu tahun asas bagi tahun taksiran sejurus sebelum tahun taksiran tertentu atau dalam tahun asas bagi tahun tertentu untuk tahun taksiran setelah tahun taksiran tertentu itu:

Dengan syarat bahawa sebarang ketakhadiran sementara dari Malaysia:-

- i) Berhubung dengan perkhidmatannya di Malaysia dan disebabkan perkara perkhidmatan atau menghadiri persidangan atau seminar atau pengajian di luar negara.
- ii) Disebabkan oleh keadaan tidak sihat melibatkan dirinya atau ahli keluarga rapat; dan
- iii) Berhubung dengan lawatan sosial yang tidak melebihi empat belas (14) hari secara terkumpul hendaklah diambil kira untuk membentuk sebahagian daripada suatu tempoh bagi tempoh tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekiranya seseorang individu berada di Malaysia sejurus sebelum dan selepas ketakhadiran sementara itu.
- b) Seseorang individu berada di Malaysia pada tahun asas bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh secara keseluruhan selama sembilan puluh (90) hari atau lebih, berhubung dengan setiap daripada tiga tahun-tahun asas bagi empat (4) tahun taksiran sejurus sebelum tahun taksiran tersebut sama ada:
 - i) Pemastautin di Malaysia bagi maksud Akta ini bagi tahun yang dirujuk; atau

- ii) Di Malaysia bagi tempoh atau tempoh-tempoh selama sembilan puluh hari atau lebih pada tahun asas yang dirujuk.

Seseorang individu merupakan pemastautin di Malaysia bagi maksud Akta ini untuk tahun asas bagi tahun taksiran setelah tahun taksiran tertentu, setelah bermastautin bagi setiap tahun asas untuk tiga tahun taksiran sejurus sebelum tahun taksiran tersebut.

23. Notis Pertukaran Asing

23.1 Pemastautin ditakrifkan seperti berikut:

- a. seseorang warganegara Malaysia, **tidak termasuk** warganegara yang memperoleh status pemastautin tetap di suatu negara atau wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar Malaysia;
- b. seseorang bukan warganegara Malaysia yang memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan kebiasaannya tinggal di Malaysia;

23.2 Berikut dianggap sebagai bukan pemastautin

- a. mana-mana orang selain daripada seseorang pemastautin;
- b. seseorang warganegara Malaysia yang memperoleh status pemastautin tetap di suatu negara atau wilayah di luar Malaysia dan tinggal di luar Malaysia.
- c. Seseorang bukan warganegara Malaysia dengan pengecualian Perkara 17.1 (b)

23.3.1 Pembayaran dalam Mata Wang Asing antara Pemastautin dengan Pemastautin

Seseorang Pemastautin dibenarkan membuat atau menerima pembayaran dalam Mata Wang Asing, kepada atau daripada Pemastautin lain bagi—

- (a) apa-apa tujuan antara Ahli Keluarga Rapat;
- (b) pendidikan, pekerjaan, atau penghijrahan ke luar Malaysia;
- (c) transaksi antara Pemastautin dengan
 - (i) suatu bank dalam pesisir berlesen
 - (ii) suatu pengendali takaful antarabangsa berlesen; atau
 - (iii) suatu unit perniagaan mata wang antarabangsa pengendali takaful berlesen, dalam menjalankan perniagaan yang melibatkan Mata Wang Asing.
- (d) Penyelesaian bagi –
 - (i) Terbitan denominasi Mata Wang Asing (tidak termasuk terbitan kadar pertukaran) yang diurusniagakan pada Pertukaran Tertentu di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] (“CMSA”) antara Pemastautin dengan seseorang broker niaga hadapan yang bermastautin;
 - (ii) suatu transaksi Murabahah komoditi antara pemastautin yang dilaksanakan melalui penyedia perkhidmatan perdagangan komoditi Pemastautin;
 - (iii) belanja pelbagai yang ditanggung di luar Malaysia antara Individu Pemastautin yang menetap di Malaysia dengan Individu Pemastautin yang menetap di luar Malaysia (Belanjaan Pelbagai ialah Transaksi Akaun Semasa dalam amaun yang munasabah dan jarang berlaku, termasuk namun tidak terhad kepada belanja bercuti di luar negara, belanja perubatan di luar negara, dan pendahuluan atau pembayaran balik bagi pembelian barangan dan perkhidmatan di luar negara bagi pihak seseorang Pemastautin (Individu) yang menetap di Malaysia)

23.3.2 Pembayaran dalam Mata Wang Asing antara Pemastautin dengan Bukan Pemastautin

Seseorang Pemastautin bebas membayar atau menerima pembayaran dalam Mata Wang Asing, kepada atau daripada seseorang Bukan Pemastautin bagi sebarang tujuan (Tertakluk kepada pemuatan dengan Notis Dasar Pertukaran Asing yang lain), kecuali untuk—

- (a) Terbitan dalam denominasi Mata Wang Asing yang ditawarkan oleh Pemastautin melainkan diluluskan oleh BNM atau dibenarkan di bawah Bahagian B Notis 5 - Penerbitan Instrumen Kewangan dan Instrumen Kewangan Islam (Dirujuk secara kolektif sebagai “Instrumen Kewangan”) oleh Institusi Kewangan Berlesen dan Bursa Malaysia;
- (b) Suatu terbitan yang dirujuk kepada Ringgit melainkan diluluskan oleh BNM atau

dibenarkan di bawah Bahagian B Notis 5 - Pengeluaran Instrumen Kewangan dan Instrumen Kewangan Islam (Secara Kolektif Dirujuk sebagai “Instrumen Kewangan”) oleh Institusi Kewangan Berlesen dan Bursa Malaysia;

- (c) Terbitan kadar pertukaran yang ditawarkan oleh seseorang Bukan Pemastautin melainkan diluluskan oleh BNM atau dibenarkan di bawah Notis 1 Urus Niaga Mata Wang, Emas, dan Logam Berharga Lain.

23.3.3 Pembayaran dalam Mata Wang Asing antara Bukan Pemastautin dengan Bukan Pemastautin

Seseorang Bukan Pemastautin dibenarkan membuat atau menerima bayaran dalam Mata Wang Asing, di Malaysia, kepada atau daripada Bukan Pemastautin lain bagi sebarang tujuan.

23.4 Berikut merupakan takrifan Pinjaman

- a) mana-mana kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang sudah dimanfaatkan atau belum dimanfaatkan;
- b) apa-apa kemudahan pembiayaan perdagangan yang digunakan atau tidak digunakan, termasuk namun tidak terhad kepada, jaminan perdagangan atau jaminan bagi pembayaran barangan;
- c) saham keutamaan boleh tebus atau saham keutamaan boleh tebus patuh syariah; atau
- d) Bon Korporat atau Sukuk.

23.5 Walau apa pun perkara di atas, hal berikut dikecualikan daripada takrifan Peminjaman—

- a) suatu tempoh kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh suatu pembekal bagi sebarang barangan atau perkhidmatan;
- b) suatu had kredit yang diuntukkan oleh LOB kepada pelanggannya untuk melaksanakan transaksi Dasar Hadapan, tidak termasuk suatu transaksi yang melibatkan—
 - i) pertukaran atau swap hutang Ringgit atau Mata Wang Asing dengan hutang Mata Wang Asing yang lain; atau
 - ii) pertukaran hutang Mata Wang Asing dengan hutang Ringgit;
- c) suatu Jaminan Kewangan atau Jaminan Bukan Kewangan;
- d) suatu kemudahan pajakan operasi;
- e) suatu kemudahan pefaktoran tanpa dakwa;
- f) suatu kad kredit atau kemudahan kad caj yang diperoleh Individu daripada seseorang Pemastautin dan digunakan untuk pembayaran barangan atau perkhidmatan runcit sahaja; atau
- g) suatu kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperoleh seseorang Individu Pemastautin daripada seseorang Pemastautin untuk membeli satu (1) harta kediaman dan satu (1) kenderaan.

23.6 Peminjaman Domestik hendaklah ditakrifkan sebagai

- a) sebarang Peminjaman dalam Ringgit yang diperoleh daripada seseorang Pemastautin daripada Pemastautin lain; atau
- b) sebarang obligasi yang dikira atau disifatkan sebagai Peminjaman Ringgit Domestik di bawah mana-mana Notis FE.

23.7 Bank berhak untuk menolak atau meminta maklumat tambahan atau dokumen sokongan;

- a) untuk mengesahkan keperluan untuk membuka suatu Akaun Mata Wang Asing.
- b) sebelum menjejaskan sebarang transaksi masuk atau keluar daripada/ ke dalam Akaun Mata Wang Asing.

23.8 Bank berhak untuk menolak atau meminta maklumat tambahan atau dokumen sokongan untuk mengesahkan pelaburan dalam had mata wang asing oleh seseorang pelanggan Peminjaman Domestik.

23.9 Pelanggan boleh merujuk kepada <https://www.bnm.gov.my/fep> untuk mendapatkan sebarang

maklumat lanjut.

24. Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dan Scam Perbankan

- 24.1 *Bank sebagaimana dari semasa ke semasa menyediakan kemas kini atau kandungan terkini untuk mendidik Pelanggan dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan scam. Hal ini boleh termasuk namun tidak terhad kepada petua keselamatan, perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ kemas kini versi, dan keperluan peraturan daripada mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan.*
- 24.2 *Segala instrumen perbankan Pelanggan, contohnya buku cek/ helaian cek, token sekuriti, kad debit, PIN perbankan telefon, tauliah log masuk (login credential) perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) hendaklah berada dalam jagaan selamat. Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila Pelanggan mendapati terdapat kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya mana-mana perkara di atas. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang disebabkan oleh transaksi yang tidak dibenarkan yang berlaku selepas Pelanggan memaklumkan Bank mengikut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang dinyatakan di atas telah hilang, disalah guna, dicuri, terjejas, atau diceroboh.*
- 24.3 *Jika apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh kecuaihan yang disengajakan oleh Bank semata-mata, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan dalam kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau tuntutan-tuntutan atau kerosakan langsung yang diterima, mana-mana lebih rendah. Dalam apa jua keadaan Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau muhibah, kehilangan data, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, pemberian, penalti, prosiding, dan kos tidak langsung, berbangkit, khusus atau sampingan tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau kerosakan tersebut didedahkan kepada, atau boleh diramalkan dengan sewajarnya oleh Bank.*
- 24.4 *Setelah dimaklumkan oleh Pelanggan akan kejadian sedemikian, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan dikehendaki untuk memberikan maklumat dan kerjasama yang mencukupi bagi memudahkan siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan langkah-langkah sekiranya dikesan (dengan/ tanpa keizinan terlebih dahulu daripada pelanggan) untuk mencegah atau mengurangkan lebih kerugian kewangan sewaktu Bank menjalankan penyiasatan seperti berikut:*
- a) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;*
 - b) Membatalkan atau menetapkan semula akses perbankan internet atau mudah alih Pelanggan; dan/ atau*
 - c) Membatalkan kesahan instrumen perbankan;*
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah perkara di atas telah dikendalikan.*

25. Pertikaian

- 25.1 *Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan perkhidmatan, Pelanggan boleh ajukan melalui info@alliancefg.com*
- 25.2 *Sekiranya pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak diselesaikan dengan sewajarnya oleh Bank, Pelanggan hendaklah menghubungi Bank Negara Malaysia (BNM) LINK atau Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) di:*

Bank Negara Malaysia LINK (BNMLINK) Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.	Tel.: 1-300-88-5465 (Malaysia) or +603 2174 1717 (Overseas) Waktu Operasi: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Isnin – Jummat kecuali cuti umum) Laman Web: https://bnmlink.bnm.gov.my/
Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia No.4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur.	Tel.: +603 2272 2811 Waktu Operasi: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Isnin – Jummat kecuali cuti umum) Laman Web: https://www.fmos.org.my

26. Fi dan Caj

26.1 Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan fi dan caj, sila rujuk <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges>

27. Cara untuk hubungi kami

27.1 Untuk mendapatkan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perhubungan kami di 03-5516 9988 atau anda boleh kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.